

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Debit-i Junior anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.** ([English Version](#))

Tarikh: _____

① Apakah itu Kad Debit-i Junior Hong Leong (Tambah Nilai)?

Kad Debit-i Junior Hong Leong ("JDC-i") ialah kad debit prabayar boleh tambah nilai yang dikeluarkan kepada Ibu Bapa atau Penjaga Sah bagi kegunaan anak. Ia merupakan instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan di saluran runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian melalui rangkaian VISA, Mastercard atau MEPS.

JDC-i juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai di Mesin Juruwang Automatik ("ATM"). Anda mesti mempunyai Akaun Simpanan-i Junior ("JSA-i") dengan Hong Leong Islamic Bank ("HLISB"), untuk dipautkan kepada JDC-i-i anda. Sekiranya anda menutup akaun tersebut, anda tidak akan dapat melakukan sebarang transaksi menggunakan JDC-i.

Kontrak Syariah yang digunakan adalah kontrak Wakalah dan Ujrah. **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana pihak prinsipal (muwakkil), membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan fi. **Ujrah** merujuk kepada komisen atau fi yang dikenakan bagi kemudahan atau perkhidmatan yang diberikan.

② Ketahui Kewajipan Anda

Fi dan Caj:

- Fi Pengeluaran: **RM8.00 setiap kad**
- Fi Tahunan: **RM8.00 setiap kad**
- Fi Penggantian Kad: **RM18.00 setiap kad**
- Fi Tambah Nilai JDC-i:
 - Tambah Nilai Automatik (Dari JSA-i ke JDC-i): **Tiada Fi**
 - Melalui Kaunter: **RM2.00**
 - Melalui CDM (Wang Tunai ke JDC-i): **Tiada Fi**
 - Melalui ATM (Daripada Kad Debit-i ke JDC-i): **Tiada Fi**
 - Melalui HLB Connect (Daripada Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i ke JDC-i): **Tiada Fi**

Tanggungjawab Pemegang Kad:

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk membaca terma utama ini:

- membaca dan mematuhi terma dan syarat penggunaan JDC-i.
- mengambil langkah munasabah untuk memastikan JDC-i dan PIN sentiasa selamat termasuk di kediaman anda dengan:
 - tidak mendedahkan butiran JDC-i, PIN atau kelayakan keselamatan anda (contohnya kod laluan) kepada mana-mana individu;
 - tidak membenarkan mana-mana individu lain menggunakan JDC-i tersebut;
 - tidak mendedahkan butiran JDC-i kepada pihak ketiga kecuali untuk memudahkan pembayaran dan kebenaran pembelian atau untuk menyediakan JDC-i pada dompet mudah alih;
 - tidak merekod atau menulis PIN atau maklumat keselamatan pada JDC-i, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad;
 - tidak menggunakan PIN atau maklumat keselamatan yang mudah diramal dan boleh dikaitkan dengan pemegang kad seperti tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon; dan
 - sentiasa memastikan peranti keselamatan mereka dalam keadaan selamat.
- memaklumkan HLIB secepat yang munasabah selepas mendapati JDC-i hilang, dicuri, berlaku transaksi tanpa kebenaran atau PIN & maklumat keselamatan mungkin telah dikompromi.
- memaklumkan HLIB dengan segera apabila menerima Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau amaran transaksi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") jika transaksi tersebut dilakukan tanpa kebenaran.
- memaklumkan HLIB dengan segera mengenai sebarang perubahan nombor telefon dan/atau butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- menggunakan JDC-i secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan JDC-i untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- menyemak penyata akaun secara berkala dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa sebarang kelewatan.
- memastikan semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Notis FEP**") Bank Negara Malaysia ("**BNM**"). Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis FEP yang tersedia di Laman Web BNM di www.bnm.gov.my/fep bagi memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan JDC-i mematuhi Notis FEP pada setiap masa.

Ia adalah tanggungjawab anda untuk:

- Baca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani



- Pastikan **PIN dan bukti kelayakan keselamatan anda selamat pada setiap masa**. Jangan dedahkan kelayakan anda kepada mana-mana orang.



Hubungi kami dengan segera selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad anda.



Imbas kod QR untuk senarai penuh Yuran & Caj

③ Ketahui Risiko Anda

1. Anda akan bertanggungjawab terhadap transaksi tanpa kebenaran (termasuk PIN, tandatangan, tanpa sentuhan atau pengeluaran tunai) jika anda telah:

- (a) bertindak secara penipuan;
- (b) lewat memaklumkan kepada HLISB secepat yang munasabah selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran JDC-i anda;
- (c) mendedahkan PIN anda secara sukarela kepada individu lain atau membenarkan individu lain menggunakan JDC-i anda;
- (d) mencatat PIN anda pada JDC-i, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan JDC-i anda.
- (e) meninggalkan JDC-i anda atau item yang mengandungi JDC-i anda, tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh individu lain;
- (f) membenarkan individu lain menggunakan JDC-i anda secara sukarela;
- (g) enggan bekerjasama dengan HLISB dalam siasatan; atau
- (h) gagal melaksanakan kewajipan berikut seperti yang dimaklumkan oleh HLISB:
 - (i) tidak mendedahkan maklumat perbankan anda seperti identiti akses (ID) dan kod laluan kepada pihak ketiga;
 - (ii) mengambil langkah munasabah untuk memastikan peranti keselamatan anda sentiasa selamat; atau
 - (iii) melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan terhadap maklumat perbankan anda atau kehilangan peranti keselamatan kepada HLISB sebaik sahaja Pemegang Kad menyedari pelanggaran atau kehilangan tersebut.

④ Syarat Utama Lain

- (a) JDC-i disekat daripada digunakan untuk Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kehadiran Kad (CNP) seperti pembelian dalam talian atau pesanan telefon. Anda mesti memilih serta (*opt-in*) sebelum anda boleh menggunakan kad anda untuk transaksi luar negara dan CNP.
- (b) Anda mempunyai pilihan untuk mematikan fungsi tanpa sentuhan JDC-i anda semasa pembukaan akaun, permohonan kad, atau pada bila-bila masa selepas itu.
- (c) JDC-i diaktifkan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan menyentuh kad pada terminal pembayaran.
- (d) Apabila anda menggunakan JDC-i anda di pam petrol layan diri, amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 mungkin akan dikenakan pada Akaun Pembelian Runcit anda. Amaun ini akan dilepaskan dan amaun transaksi sebenar akan didebitkan ke akaun anda dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh transaksi.
- (e) Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat JDC-i anda, kami mempunyai hak untuk menamatkan kad anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai JDC-i, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7626 8899



Layari kami di
www.hlbislamic.com.my/jdc-i-bm



Emel kami di
hlonline@hlbb.hongleong.com.my



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut